

BERNAMA - UNTUNG BERSIH IGB REIT PADA SUKU KEDUA 2023 SUSUT KEPADA RM80.97 JUTA

Wednesday, 26 July, 2023

Clipped from: <https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2210089>

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Untung bersih IGB Real Estate Investment Trust (IGB REIT) bagi suku kedua berakhir 30 Jun, 2023 (S2 2023) susut tiga peratus kepada RM80.97 juta daripada RM83.47 juta pada suku yang sama tahun lepas.

Hasil meningkat 5.8 peratus kepada RM141.54 juta daripada RM133.76 juta sebelumnya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, syarikat itu berkata, hasil yang lebih tinggi itu disebabkan oleh pendapatan sewa yang lebih tinggi pada suku semasa.

Walau bagaimanapun, ia menyatakan pendapatan hartanah bersih yang lebih rendah sebanyak RM102.79 juta berbanding RM105.72 juta tahun lalu dan keuntungan bersih yang menurun adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan utiliti yang lebih tinggi pada suku semasa dan pembalikan lebih tinggi untuk rosot nilai belum terima bagi perdagangan berbanding suku yang sama pada 2022.

Pendapatan yang boleh diagihkannya bagi suku semasa berjumlah RM87.2 juta.

Mengenai prospek, makluman itu menyatakan Retail Group Malaysia (RGM) telah menyemak semula kadar pertumbuhan industri runcit tahunan Malaysia yang naik sedikit daripada empat peratus kepada 4.8 peratus pada 2023.

Bagaimanapun, kadar pertumbuhan S3 2023 dianggarkan pada dua peratus sahaja disebabkan oleh kesan asas yang tinggi pada S3 2022, yang menyaksikan pertumbuhan industri runcit sebanyak 96 peratus.

Bagi S4 2023, industri berharap untuk pertumbuhan tiga peratus selepas prestasi cemerlang 2022, katanya.

"Kekurangan pekerja, kos operasi yang lebih tinggi terutamanya dalam kenaikan tenaga elektrik, persaingan sengit dan rancangan pengembangan kekal sebagai cabaran utama kepada industri runcit domestik pada 2023.

"Margin keuntungan peruncit akan berkurangan melainkan peningkatan kos sedemikian boleh diserahkan kepada pengguna domestik dalam bentuk kenaikan harga yang ditolak kos," katanya.

Melangkah ke hadapan, IGB REIT menambah pihaknya berhati-hati tentang pertumbuhan jualan runcit 2023, yang akan mempengaruhi

prestasi penyewa di pusat beli-belah dan juga prestasi kewangan syarikat.

Portfolio syarikat itu terdiri daripada dua harta tanah pelaburan iaitu Mid Valley Megamall dan Gardens Mall, yang mana masing-masing bernilai RM3.70 bilion dan RM1.32 bilion pada 30 Jun, 2023.

-- BERNAMA